



**14 Oktober 2015**

**KENYATAAN MEDIA**

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Saya ingin menzahirkan kesedihan dan mengucapkan takziah buat keluarga Adik Firdaus Dullah di atas pemergiannya ke rahmatullah tengah hari tadi akibat diserang sawan yang berlaku kira-kira jam 12.30 tengah hari.

Sehingga pagi tadi, beliau masih dalam keadaan sihat dan tidak menunjukkan sebarang tanda kurang stabil.

Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan segera menghantar beliau menggunakan ambulans ke Hospital Tunku Jaafar Seremban sebaik sahaja insiden tersebut berlaku.

Sejak berada di bawah pemantauan institusi JKM iaitu di Taman Sinar (TSH) Tuanku Ampuan Najihah, Seremban pada 21 Ogos tahun lepas, beliau telah menunjukkan perkembangan yang sangat bagus dengan peningkatan berat akhir beliau iaitu 27kg.

Kini jenazah beliau berada di hospital dan *post mortem* hanya akan diadakan oleh pihak hospital pada hari esok. Urusan pengebumian akan diuruskan selanjutnya. Ibunya, Lolanopita Sadi juga turut berada di hospital kini.

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM**